



**KEMENTERIAN PERTAHANAN
MALAYSIA**

TEKS UCAPAN

YB MENTERI PERTAHANAN BERSEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI

OLEH PARA PENYUMBANG KEPADA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA

AUDITORIUM WISMA PERTAHANAN

21 MAC 2024 (KHAMIS)

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

Tuan - tuan dan puan - puan hadirin dan hadirat yang saya muliakan.

1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya jua, kita diberikan ruang dan peluang untuk berkumpul pada hari ini.
2. Dan alhamdulillah, hari ini lengkaplah fasa satu pertiga yang pertama untuk Ramadan kali ini.
3. Semoga dengan keberkatan bulan Ramadan yang mulia ini, segala usaha kita, baik untuk kementerian ini mahupun dalam usaha mempertahankan kedaulatan negara, akan terus dipermudah dan mendapat keberkatan.
4. Pada masa yang sama, saya sangat berbesar hati berpeluang berkumpul dengan warga Kementerian dan ATM serta para penyumbang pada hari ini.
5. Dan saya mempunyai hanya 2 perkara untuk ditegaskan.
6. **Pertama, majlis pada hari ini tidak mempunyai maksud lain, melainkan untuk kita sama-sama menzahirkan ingatan serta doa yang berterusan kepada semua warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**
7. Sama ada yang sedang cekal bertugas di perbatasan negara mahupun yang setia membawa amanah dan bertugas di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di seluruh dunia.
8. Pengorbanan mereka dalam mempertahankan kedaulatan negara adalah sesuatu yang tidak akan mungkin mampu untuk kita galas dan balas.
9. Jadi, jangan pernah kita melupakan mereka semua dalam setiap doa kita.
10. **Kedua, saya ingin berterima kasih kepada semua pihak, khususnya para penyumbang.**

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

11. Kepada para penyumbang individu dan korporat yang terlibat, terima kasih kerana terus bersama-sama dengan Kementerian Pertahanan dalam menjayakan program ini.
12. Lebih menarik, pada tahun ini sebanyak 93 sumbangan telah diterima. Daripada jumlah ini,
 - a. 82 sumbangan berupa sumbangan berbentuk kewangan,
 - b. 2 sumbangan adalah dalam bentuk kewangan dan barangan, dan
 - c. 9 sumbangan lagi adalah dalam bentuk barangan.
13. Jumlah keseluruhan sumbangan kewangan yang diterima termasuk jumlah kos barangan adalah sebanyak **RM 2,524,902.79**
14. Untuk makluman semua, jumlah ini menyaksikan **peningkatan sebanyak 41% berbanding sumbangan yang diterima pada tahun lalu.**
15. Jadi, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang ucapkan kepada semua penyumbang.
16. Pada saya, peningkatan sumbangan ini menggambarkan 2 perkara penting.
17. **Pertama**, ia bukti wujudnya minat dan kemahuan pelbagai pihak, baik sektor korporat mahupun anggota masyarakat yang lain di luar sana, untuk bersama-sama menjayakan misi membangunkan ekosistem pertahanan negara yang baik dan berkeadilan untuk semua.
18. Dan perkara ini selari dengan dasar dan pendekatan kementerian ini yang mahu melibatkan semua pihak dalam usaha memperkasakan ekosistem pertahanan negara.
19. **Kedua**, ia adalah satu pengiktirafan dan penzahiran kepercayaan kepada keupayaan dan keberkesanan pihak Kementerian dan ATM dalam menguruskan segala sumbangan ini dengan telus dan baik.
20. Jadi, sekalung tahniah juga saya ucapkan kepada seluruh warga Kementerian Pertahanan dan ATM.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

21. Semoga kelancaran pengurusan dan pengedaran sumbangan yang ditunjukkan saban tahun oleh pihak Kementerian dan ATM, akan terus menarik minat lebih banyak pihak di luar sana untuk terlibat dan menyokong program ini pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

22. Berbekalkan sumbangan yang telah diberikan, pada tahun ini ATM telah menyediakan sebanyak **15,000 beg** hari raya.
23. Kesemua beg ini akan diagihkan kepada anggota-anggota ATM yang bertugas menjaga keamanan dan kedaulatan negara pada hari lebaran nanti.
24. Ia merangkumi anggota yang bertugas di perbatasan negara sama ada di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga di luar negara di bawah misi panji-panji PBB.
25. Insya-Allah, kita akan pastikan sumbangan hari raya yang telah disediakan ini akan dapat dihantar ke destinasi sama ada di dalam mahupun di luar negara sebelum menjelang hari raya Aidilfitri.
26. Sama-samalah kita mendoakan agar proses penghantaran ini berjalan lancar dan selamat.
27. Sebelum berakhir, sekali lagi, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada semua. Dan kepada para penyumbang, terima kasih daun keladi.
28. Tanpa sokongan semua, program ini tidak akan dapat dijayakan dengan sebaiknya.
29. Yang pasti, kita harap, sekali pun beg hari raya yang akan diserahkan ini tidak mungkin setimpal dengan segala pengorbanan serta jasa para anggota kita, setidak-tidaknya ia menjadi satu lambang ingatan dan doa kita yang tidak pernah putus.
30. Semoga ia akan sedikit sebanyak menyuntik kegembiraan dan rasa bahagia pada semua anggota yang tidak berpeluang berhari raya bersama keluarga seperti semua yang lain.

SEMAK KETIKA PENYAMPAIAN

31. Kepada semua yang hadir, marilah kita terus menanam tekad untuk menjadikan baki 2 per 3 Ramadan ini yang terbaik dalam hidup kita.
32. Saya doakan semoga kita direzekikan untuk bertemu dengan *lailatul qadr* dan diterima segala amalan sepanjang Ramadan kali ini, insya-Allah.
33. Terima kasih.